EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN
TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4429 FAKS : 03-20567083/7084

# CELIK AL-QURAN

Nadirah Hafidzin
siti_nadirah@hmetro.com.my

**Usia** tidak menjadi penghalang untuk menuntut ilmu apatah lagi apabila berkaitan agama kerana selagi ada kemahuan di situ pasti ada jalan.

Ada yang berusia 60 tahun, ada pula dalam lingkungan 40-an dan ada yang masih muda remaja namun semuanya kelihatan tekun mempelajari setiap baris ayat al-Quran di bawah pemantauan dan didikan tenaga pengajar terlatih.

Walaupun ada di antara mereka sudah bergelar nenek dan datuk, selagi bernyawa, belum terlambat untuk merebut peluang belajar mengaji al-Quran.

Usaha yang dijalankan Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan menganjurkan Kelas Pengajian al-Quran Bermodul untuk dewasa dan dikendalikan sepenuhnya oleh Imam Masjid UKM Ustaz Musa Moslim, patut dicontohi.

> H54&55

